

Kempen rai keamanan dapat sambutan baik

Oleh Aliuddin Mohd Salleh

KOTA KINABALU: Hasrat untuk mengumpulkan senjata tandatangan bagi membantah keganasan menerusi Kempen Jelajah Keamanan Rakyat Malaysia mampu tercapai.

Penyelaras Kempen Jelajah Rakyat Malaysia peringkat Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) Dr Adham Baba berkata kempen yang diadakan di peringkat IPTA memperlihatkan sambutan yang baik.

"Kita sudah mengadakan kempen sebelum ini iaitu di Terengganu di mana ianya mendapat sambutan menggalakkan dan di sini kita berjaya memperolehi 10,000 tandatangan," katanya pada sidang media selepas perasmian Seminar Kempen Jelajah Keamanan Rakyat Malaysia di Dewan Kuliah Utama Malaysia Sabah (UMS) di sini kelmarin.

Beliau berkata sambutan itu baru diperlihatkan pada peringkat IPTA dan pada peringkat yang lain juga sambutan yang diberikan adalah menggalakkan.

Katanya kesemua tandatangan yang diperolehi itu akan dikumpulkan dan dibawa ke perhimpunan rakyat di

Kuala Lumpur nanti.

Menurutnya tarikh akhir untuk menghantar tandatangan itu ialah pada 15 Februari ini dan kita akan mengadakan program yang sama di IPTA yang lain."

Adham memberitahu program itu diperkenalkan kepada mahasiswa bagi membolehkan pandangan mereka dikemukakan kepada pemimpin tertinggi.

"Program seumpama ini bukan sekadar untuk memberikan kesedaran terhadap keganasan tetapi juga untuk memberikan pendedahan dan membawa pandangan mahasiswa kepada pemimpin tertinggi negara," katanya lagi.

Sementara itu Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar UMS Muarifin Sufianto memberitahu program di UMS itu berjaya mengumpulkan sejumlah 10,000 tandatangan.

Katanya tandatangan itu bukan hanya dari kalangan mahasiswa UMS tetapi juga dari kakitangan mahasiswa IPTA yang lain dan juga orang ramai.

Menurutnya program itu juga memperlihatkan bahawa mahasiswa turut prihatin terhadap soal keganasan.

Sementara itu ketika merasmikan seminar tersebut Tan Sri Profesor Dr

Abu Hassan Othman berkata program seumpama itu selaras dengan peranan mahasiswa yang bukan sahaja bertanggungjawab menimba ilmu kesarjanaan tetapi juga perantara yang sentiasa memperjuangkan suara masyarakat dan bangsa yang inginkan keamanan.